



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 OGOS 2025 (SELASA)

DVS Rampas 114 Tan Metrik Karkas Babi Bernilai Lebih RM3 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Online	18 Ogos



KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merampas 114 tan metrik karkas babi dianggarkan bernilai RM3.05 juta melibatkan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran dalam 18 kes rampasan dari 2024 hingga Julai lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata rampasan dilakukan di premis jualan dan stor penyimpanan karkas babi sejuk beku yang disyaki diimport tanpa kebenaran di Kelantan, Selangor, Johor,

Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Labuan.

Beliau berkata dalam tempoh sama, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) turut menggagalkan beberapa cubaan penyeludupan haram daging khinzir melibatkan 24 tangkapan dengan jumlah dagangan sebanyak 640 tan metrik.

“Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui MAQIS dan DVS sentiasa mengambil langkah tegas bagi mengawal pengimportan dan

membanteras aktiviti penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara terutama dari negara yang dikenal pasti mempunyai penularan penyakit berbahaya,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Arthur menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) berhubung tindakan penguatkuasaan MAQIS ke atas pengimportan dan penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara terutama dari Thailand dan negara lain yang mempunyai wabak Streptococcus Suis dan African Swine Fever (ASF), serta jumlah tangkapan yang dibuat ke atas aktiviti penyeludupan haram daging khinzir di semua pintu masuk negara tahun ini.

Beliau berkata kawalan pengimportan dilaksanakan oleh MAQIS adalah melalui mekanisme pemeriksaan dokumen termasuk keperluan import permit dan sijil kesihatan veterinar serta pemeriksaan fizikal kontena di pintu masuk sempadan negara.

Selain itu, persampelan terhadap produk khinzir juga dijalankan bagi memastikan produk tersebut bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan masuk.-

BERNAMA

24 Tangkapan Seludup Daging Khinzir Sejak 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	18 Ogos



Arthur Joseph Kurup

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya membuat 24 tangkapan terhadap cubaan menyeludup 640 tan metrik daging khinzir bagi tempoh tahun 2024 sehingga Julai 2025.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, ia hasil tindakan penguatkuasaan berterusan yang dijalankan di sempadan negara.

“Dalam tempoh yang sama, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pula telah berjaya melaksanakan 18 kes rampasan yang melibatkan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran dan rampasan.

“Ia dilakukan di premis jualan atau simpanan karkas babi sejuk beku yang disyaki diimport tanpa kebenaran di negeri Kelantan, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Kementerian sentiasa mengambil langkah tegas

bagi mengawal pengimportan dan membanteras aktiviti penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara, terutamanya dari negara yang dikenal pasti mempunyai penularan penyakit berbahaya seperti Streptococcus Suis dan African Swine Fever (ASF)," katanya di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) yang bertanya tentang tindakan penguatkuasaan MAQIS ke atas pengimportan dan penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara terutamanya dari Thailand dan negara lain yang mempunyai wabak Streptococcus Suis dan African Swine Fever.

Tambah Arthur, kawalan pengimportan dilaksanakan oleh MAQIS adalah melalui mekanisme pemeriksaan dokumen termasuk keperluan import permit dan sijil kesihatan veterinar serta pemeriksaan fizikal kontena di pintu masuk sempadan negara.

Selain itu, persampelan terhadap produk khinzir juga dijalankan bagi memastikan produk tersebut bebas dari sebarang penyakit sebelum dibenarkan masuk.

"Bagi membendung penyeludupan yang berlaku di luar pintu masuk negara, perkara ini ditangani oleh pihak DVS terutamanya melalui kerjasama strategik seperti rondaan dan operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain.

"Ia termasuklah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," jelasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa sebarang kemasukan daging khinzir secara tidak sah akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728], termasuk denda yang tinggi dan tindakan mahkamah ke atas pihak yang didapati bersalah.

Selain itu, peruntukan di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] juga membolehkan pihak DVS mengambil tindakan terhadap isu berkaitan.

"Kementerian juga akan terus memperkukuh penguatkuasaan, meningkatkan kerjasama dengan negara jiran dan menjalankan program kesedaran kepada orang ramai bagi membanteras

risiko kemasukan daging
haram yang boleh
menjejaskan kesihatan awam
dan industri penternakan
negara," katanya.-
SINARHARIAN

MAQIS Patahkan 24 Kes Cubaan Seludup Daging Khinzir di Sempadan Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	18 Ogos



KUALA LUMPUR, 18 Ogos -- Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup pada sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan ketika Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen ke-15 Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengesan 24 kes cubaan penyeludupan haram daging khinzir dengan anggaran 640 tan berjaya dirampas dalam tempoh Januari 2024 hingga Julai lalu.

Timbalan Menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata semua rampasan itu hasil tindakan penguatkuasaan berterusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

(MAQIS) di pintu masuk sempadan negara.

"MAQIS melaksanakan pemeriksaan dokumen termasuk permit import, sijil kesihatan veterinar serta pemeriksaan fizikal kontena.

"Persampelan turut dilakukan bagi memastikan produk bebas penyakit sebelum dibenarkan masuk," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian

menjawab pertanyaan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) berhubung tindakan penguatkuasaan MAQIS ke atas pengimportan dan penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara, terutama dari Thailand dan negara lain yang mempunyai wabak Streptococcus suis dan Demam Babi Africa (ASF).

Selain itu, Arthur berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merekodkan 18 kes rampasan membabitkan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran di beberapa negeri termasuk Kelantan, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata kes itu membabitkan jumlah keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak 114 tan metrik dengan nilai RM3.05 juta.

Berikutan itu, katanya tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati bersalah di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) serta Akta Binatang 1953 (Akta 647).

Menurutnya, kerjasama strategik turut diperkukuh menerusi operasi bersepadu bersama Agensi Kawalan dan

Perlindungan Sempadan (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Kementerian juga meningkatkan kerjasama dengan negara jiran serta mempergiatkan program kesedaran orang ramai bagi membanteras risiko kemasukan daging haram yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan industri penternakan negara," katanya.-[BHONLINE](#)

Dewan Rakyat: 24 Kes Cubaan Seludup Daging Babi digagalkan Maqis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo Online	Terkini	Online	18 Ogos



Pegawai Maqis Selangor memeriksa daging sejuk beku tersebut di Pelabuhan Barat, Klang pada Februari tahun lalu. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Sebanyak 24 tangkapan kes bagi cubaan penyeludupan haram daging babi digagalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) melibatkan kuantiti dagangan sebanyak 640 tan metrik, sepanjang 2024 hingga Julai 2025.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata, kawalan pengimportan dilaksanakan oleh Maqis adalah melalui mekanisme pemeriksaan dokumen termasuk

keperluan import permit dan sijil kesihatan veterinar serta pemeriksaan fizikal kontena di pintu masuk sempadan negara.

Menurutnya, selain itu, persampelan terhadap produk khinzir juga dijalankan bagi memastikan produk tersebut bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan masuk.

“Bagi membendung penyeludupan yang berlaku di luar pintu masuk negara, perkara ini ditangani oleh pihak Jabatan Perkhidmatan

Veterinar DVS terutamanya melalui kerjasama strategik, seperti rondaan dan operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain.

nilai anggaran keseluruhan rampasan berjumlah RM 3.05 juta,” katanya. – [KOSMO! ONLINE](#)

“Ini termasuk Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM),” katanya.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat menjawab soalan Tuan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) tindakan penguatkuasaan Maqis ke atas pengimportan dan penyeludupan haram daging babi dari luar negara susulan wabak Streptococcus suis dan African Swine Fever.

Arthur berkata, selain itu, sebanyak 18 kes rampasan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran dan rampasan di premis jualan atau simpanan babi sejuk beku disyaki diimport tanpa kebenaran telah dibuat oleh DVS.

Katanya, rampasan tersebut dibuat di negeri Kelantan, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan sepanjang tempoh yang sama.

“Jumlah keseluruhan rampasan adalah sebanyak 114 tan metrik karkas dengan

Kerajaan Tegas Kawal Aktiviti Seludup Daging Khinzir Luar Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Bangkit	Nasional	Online	18 Ogos



PARLIMEN | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa bertindak tegas dalam mengawal aktiviti penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara khususnya dari kawasan yang mempunyai wabak berbahaya seperti 'Streptococcus Suis dan African Swine Fever' (ASF).

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Malaysia, Datuk Arthur Kurup, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (DVS) berjaya mengesan beberapa cubaan penyeludupan haram daging khinzir dengan jumlah tangkapan sebanyak 24 kes dan kuantiti dagangan adalah sebanyak 640 tan metrik.

"Pihak DVS pula telah berjaya melaksanakan 18 kes rampasan yang melibatkan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran dan rampasan di premis jualan atau simpanan karkas babi sejuk beku yang disyaki diimport tanpa kebenaran di negeri Kelantan, Selangor,

Johor , Kedah, Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Labuan.

“Jumlah keseluruhan rampasan adalah sebanyak 114 tan metrik karkas dengan nilai anggaran keseluruhan rampasan berjumlah RM3.05 juta,” katanya di sidang Parlimen di Dewan Rakyat hari ini bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Jelas Arthur, kerajaan sekali lagi menegaskan bahawa sebarang kemasukan daging khinzir secara tidak sah akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Tindakan tegas di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728), termasuk denda yang tinggi dan tindakan mahkamah ke atas pihak yang didapati bersalah.

“Selain itu, peruntukan di bawah Akta Binatang 1953 (Akta 647) juga membolehkan pihak DVS mengambil tindakan terhadap isu berkaitan,” ujarnya.

Dalam pada itu, kerajaan turut akan terus memperkukuh penguatkuasaan meningkatkan kerjasama

dengan negara jiran, dan menjalankan program kesedaran kepada orang ramai bagi membanteras risiko kemasukan daging haram yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan industri penternakan negara.-[MALAYSIABANGKIT](#)

Terkinidvs Rampas 114 Tan Metrik Karkas Babi Bernilai Lebih RM3 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Merdeka Times	News	Online	18 Ogos



Foto: Gambar Sekadar Hiasan.

KUALA LUMPUR — Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merampas 114 tan metrik karkas babi dianggarkan bernilai RM3.05 juta melibatkan pemindahan karkas babi tanpa kebenaran dalam 18 kes rampasan dari 2024 hingga Julai lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup berkata rampasan dilakukan di premis jualan dan stor penyimpanan karkas babi sejuk beku yang disyaki diimport tanpa kebenaran di Kelantan, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka

dan Labuan.

Beliau berkata dalam tempoh sama, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) turut menggagalkan beberapa cubaan penyeludupan haram daging khinzir melibatkan 24 tangkapan dengan jumlah dagangan sebanyak 640 tan metrik.

“Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui MAQIS dan DVS sentiasa mengambil langkah tegas bagi mengawal pengimportan dan membanteras aktiviti

penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara terutama dari negara yang dikenal pasti mempunyai penularan penyakit berbahaya,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Arthur menjawab soalan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru) berhubung tindakan penguatkuasaan MAQIS ke atas pengimportan dan penyeludupan haram daging khinzir dari luar negara terutama dari Thailand dan negara lain yang mempunyai wabak Streptococcus Suis dan African Swine Fever (ASF), serta jumlah tangkapan yang dibuat ke atas aktiviti penyeludupan haram daging khinzir di semua pintu masuk negara tahun ini.

Beliau berkata kawalan pengimportan dilaksanakan oleh MAQIS adalah melalui mekanisme pemeriksaan dokumen termasuk keperluan import permit dan sijil kesihatan veterinar serta pemeriksaan fizikal kontena di pintu masuk sempadan negara.

Selain itu, persampelan terhadap produk khinzir juga dijalankan bagi memastikan produk tersebut bebas daripada sebarang penyakit sebelum dibenarkan masuk. -

[THEMERDEKATIMES](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR